



MAIWP

**PERMOHONAN KEMASUKAN KE TADIKA PERMATA MAIWP
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

PERMOHONAN TADIKA ATAS TALIAN

Dibuka bermula 1 hingga 30 September 2022

A. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon (murid) adalah warganegara Malaysia. Dibuka juga pada murid Bukan Warganegara mengikut kekosongan.
2. Keutamaan kepada ibu/bapa/penjaga yang bekerja atau menetap di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
3. Pendaftaran Tadika Permata MAIWP dan MAIWP Kids bagi 5 tahun adalah bagi kanak-kanak yang lahir pada tahun 2018
4. Pendaftaran Tadika Permata MAIWP dan MAIWP Kids bagi 6 tahun adalah bagi kanak-kanak yang lahir pada 2017 (murid baru sahaja).
5. Sihat tubuh badan dan tidak mengalami penyakit berjangkit, kronik dan kritikal.
6. Pengambilan murid terhad kepada bilangan kelas yang sedia ada sahaja.
7. Permohonan hanya dibuka secara atas talian (*online*) **bermula 1 - 30 September 2022.**
8. Ibu/bapa/penjaga **DIWAJIBKAN** mengisi Borang Permohonan Kemasukan dengan lengkap secara atas talian (*online*) di laman sesawang rasmi MAIWP (maiwp.gov.my).
9. Hanya murid yang membuat pengisian secara atas talian (*online*) sahaja akan dipertimbangkan untuk pemilihan ke Tadika Permata MAIWP dan MAIWP Kids.
10. Ibu/bapa/penjaga hanya boleh membuat **1 permohonan sahaja untuk seorang anak.**
11. Keputusan permohonan/tawaran akan dimaklumkan di laman sesawang MAIWP (maiwp.gov.my) **mulai 1 November 2022** dan ibu/bapa/penjaga hendaklah

membuat pengesahan terimaan tawaran tersebut selewat-lewatnya pada **14 November 2022**.

B. SYARAT TAMBAHAN UNTUK KEMASUKAN KE TADIKA PERMATA MAIWP PRESINT 18, PUTRAJAYA

1. Diutamakan kepada pendapatan kasar isi rumah yang **tidak melebihi RM10,000.00**.
2. Lulus ujian penilaian sendiri yang akan dilaksanakan oleh MAIWP.

C. DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN DALAM PERMOHONAN

1. Salinan Sijil Kelahiran / Pasport Murid
2. Salinan Kad Pengenalan / Pasport ibu dan bapa/penjaga.
3. Satu salinan Penyata Gaji / Pencen / Perkeso ibu dan bapa/penjaga terkini.
4. Surat Akuan Sumpah Pendapatan terkini (yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah) sekiranya ibu/bapa/penjaga yang tiada penyata gaji / bekerja sendiri / tidak bekerja.
5. Rekod kesihatan kanak-kanak (Rekod Imunisasi)
6. Satu salinan Cukai Pintu / Bil Utiliti kediaman semasa
7. Salinan surat pengesahan Baitulmal (yang mendapat bantuan bulanan sahaja dari Zakat Wilayah Persekutuan dan Zakat Selangor)

D. TAKWIM PENDAFTARAN MURID TADIKA PERMATA MAIWP (PM) & MAIWP KIDS (MK) SESI 2023

BIL.	PROSES KERJA	TARIKH
1.	Pengisian permohonan secara atas talian (<i>online</i>) bagi kemasukan ke Tadika PM dan MK	1-30 September 2022
2.	Ujian Khas Tadika PM P18, Putrajaya	12-13 Oktober 2022
3.	Semakan keputusan permohonan secara atas talian (<i>online</i>) di Laman Sesawang MAIWP (www.maiwp.gov.my) - Pengesahan terimaan tawaran bagi kemasukan ke Tadika PM dan MK oleh ibu/bapa/penjaga - Surat tawaran akan dikeluarkan setelah ibu/bapa/penjaga membuat pengesahan terimaan - Senarai kadar yuran juga akan dikeluarkan selepas ibu/bapa/penjaga membuat pengesahan terimaan tersebut	1-14 November 2022
4.	Permohonan rayuan (berurusan dengan pihak tadika)	15 November 2022

E. UNTUK PERTANYAAN SILA HUBUNGI

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Bahagian Pembangunan Insan)

Aras 8 Bangunan PERKIM, No.150 Jalan Sultan Azlan Shah, 51200 KUALA LUMPUR

Telefon :03 - 4047 9444 sambungan 599/523/571/597/395

unitprasekolahmaiwp@gmail.com

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Cawangan Putrajaya)

Aras 3, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, No.3 Jalan Tun Razak, 62100 PUTRAJAYA

No. Tel : 03 - 8871 50000

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Cawangan Labuan)

Blok 4, Tingkat 13, Kompleks Ujana Kewangan, peti Surat 80960, 87019 LABUAN

No. Tel : 087 - 418 5515 / 512